| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 1 | (a) | (i) | Maksud rasuah ialah:<br>Sebarang pemberian atau suapan yang bertujuan memalsukan kebenaran /1m dan membenarkan kepalsuan./1m | 1 isi x 2m<br>**= 2m** |
| | | (ii) | **Dua** kesan perbuatan rasuah ialah :<br>1. Dimurkai/ dibenci/ dilaknat oleh Allah.<br>2. Menjatuhkan maruah diri / maruah ahli keluarga.<br>3. Melumpuhkan/ menjatuhkan/melemahkan ekonomi.<br>4. Mendapat dosa yang besar / di masukkan ke neraka.<br>5. Meningkatkan kes jenayah / kes pecah amanah.<br>6. Dibenci oleh masyarakat / penduduk setempat.<br>7. Imej agama dan umat Islam akan diperlekehkan.<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 1m<br>**= 2m** |
| | | (iii) | Pengajaran daripada ayat di atas ialah :<br>1. Kita hendaklah mencari rezeki yang halal /1m agar tidak menyalahi syariat Islam./1m<br>2. Kita hendaklah menjauhkan diri daripada memberikan rasuah/1m kerana ia adalah perbuatan yang dimurkai oleh Allah./1m<br>3. Kita hendaklah mengelakkan diri daripada melakukan sumpah palsu /1m agar diri sentiasa dipercayai./1m | 2 isi x 2m<br>**= 4m** |
| | (b) | (i) | **Dua** golongan yang mendapat naungan Allah SWT selain pemimpin yang adil ialah :<br><br>1. Pemuda yang hidupnya taat beribadat kepada Allah SWT.<br>2. Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid.<br>3. Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah / bertemu dan berpisah kerana Allah SWT.<br>4. Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takut kepada Allah.<br>5. Seseorang yang menyembunyikan sedekahnya.<br>6. Seseorang yang mengingati Allah SWT sehingga menitiskan air mata. | 2isi x 1m<br>**= 2m** |
| | | (ii) | **Dua** tanggungjawab pemimpin terhadap rakyat ialah :<br>1. Memastikan keperluan asas rakyat dipenuhi.<br>2. Melaksanakan amar makruf terhadap rakyatnya.<br>3. Mencegah kemungkaran daripada berleluasa.<br>4. Berlaku adil terhadap kesemua rakyatnya.<br>5. Menjaga kebajikan rakyat tanpa mengira agama dan bangsa.<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2isi x 1m<br>**= 2m** |



Scanned with CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| KBAT | | (iii) | KBAT<br>Rubrik penskoran | **4 markah** |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. | 2m |
| Menjelaskan isi beserta huraian lengkap da nada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi beserta huraian lengkap da nada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

Soalan :

إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُقْسِطِينَ.......

(Surah al-Mumtahanah 60 : ayat 8)

Maksud : "……sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil"

Bincangkan kehidupan rakyat jika pemimpin mereka menghayati sifat di atas.

Cadangan isi :

1. Rakyat akan hidup aman dan damai.
2. Ekonomi rakyat meningkat dengan pesat.
3. Masyarakat dipandang mulia / imej dipandang tinggi.
4. Peselisihan faham dalam kalangan rakyat dapat dielakkan.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Nyatakan | (c) | (i) | قُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰٓ إِلَيَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ ۖ فَمَن كَانَ يَرْجُوا۟ لِقَآءَ رَبِّهِۦ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَٰلِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ أَحَدًۢا ﴿١١٠﴾<br><br>Nyatakan hukum tajwid bagi perkataan yang bergaris di atas. | 4isi x 1m<br>= 4m |



Scanned with CamScanner

| Bil | Kalimah | Hukum tajwid |
|---|---|---|
| i | وحدَّ | Qalqalah Sughra |
| ii | يَرْجُوا | Ra Tafkhim |
| iii | رَبِّهِۦ فَلْيَعْمَلْ | Mad Silah Qasirah |
| iv | رَبِّهِۦٓ أَحَدًا | Mad Silah Tawilah |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 2 | (a) | (i) | Maksud al-Muntaqim ialah<br><br>Allah SWT Maha Pembalas dengan menyampaikan azab /1m terhadap orang yang melampaui batas /1m<br><br>Nyatakan | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | | (ii) | **Dua** balasan jika manusia menyalahi sifat al-Muntaqim<br><br>1. Dibalas dengan siksaan api neraka di akhirat kelak<br>2. Ditimpakan azab yang pedih / seperti kemarau yang panjang/asap yang berkepul menyelubungi bumi<br>3. Diberi siksaan yang pedih setelah mengingkari para Rasul<br><br>Jelaskan | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | | (iii) | KBAT<br>Rubrik penskoran<br><br>KBAT | **4 markah** |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas | 2m |
| Menjelaskan isi beserta huraian lengkap da nada contoh yang menyokong isi yang diberi | 3m |
| Merumus isi beserta huraian lengkap da nada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik | 4m |

Al-Jabbar. Allah bkuasa mutlak untuk melakukan segala kehendak.

Soalan :
Menghayati Allah bersifat dengan sifat al-Jabar dapat melahirkan pelajar yang cemerlang. Bincangkan.

Cadangan isi :
1. Mendorong pelajar berusaha bersungguh-sungguh.
2. Pelajar akan yakin dengan kekuasaan Allah SWT
3. Pelajar sentiasa menyerahkan urusan kejayaan mereka kepada Allah SWT / bertawakal.
4. Pelajar akan bersabar atas ujian untuk kejayaan.



Scanned with CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (b) | (i) | Sejarah kemunculan kumpulan Syiah:<br><br>1. Kumpulan yang menuntut supaya Saidina Ali bin Abi Talib r.a dilantik sebagai khalifah selepas kewafatan Rasulullah SAW.<br>2. Kumpulan yang berkeyakinan bahawa hanya Ahlul Bait sahaja yang lebih layak memegang jawatan khalifah. | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | Nyatakan | | | |
| | | (ii) | **Dua** Prinsip Syiah yang menunjukkan golongan tersebut memuja Saidina Ali r.a ialah.<br><br>1. Menyanjung Saidina Ali secara keterlaluan / sehingga disamakan dengan Rasulullah SAW.<br>2. Menambah nama Saidina Ali r.a dalam syahadah / selepas nama Nabi SAW. | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | Jelaskan | | | |
| | | (iii) | **Dua** konsep yang diamalkan oleh Syiah:<br><br>1. al-Imamah: ia merupakan rukun agama yang telah ditentukan oleh Allah SWT /1m melalui lisan Rasulullah secara nas./1m<br>2. al-Taqiyyah: menyembunyikan sesuatu yang boleh membahayakan diri atau harta benda/1m dengan menampakkan sesuatu yang berbeza dengan hakikat sebenarnya./1m | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | Terangkan | | | |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 3 | (a) | (i) | Maksud haji dari segi istilah ialah .<br><br>Mengunjungi Baitullahilharam pada bulan-bulan haji/ 1m untuk mengerjakan ibadat tertentu/1m menurut syarat-syaratnya/1m<br><br>Catatan :<br>Betul mana-mana **dua** keratan diberi 2 markah | 1isi x 2m<br>= 2m |
| | Nyatakan | | | |
| | | (ii) | **Dua** ciri berkemampuan dari sudut kewangan ialah :<br><br>1. Cukup perbelanjaan untuk perbelanjaan pergi dan balik.<br>2. Cukup keperluan nafkah asas bagi orang yang di bawah tanggungannya. | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | Jelaskan | | | |



Scanned with CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| KBAT | | (iii) | KBAT<br>Rubrik penskoran<br><br>\| Deskriptor \| Skor \|<br>Menyatakan isi sahaja — 1m<br>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. — 2m<br>Menjelaskan isi beserta huraian lengkap da nada contoh yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus isi beserta huraian lengkap da nada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. — 4m<br><br>Soalan :<br>Rosli membuat pinjaman peribadi untuk menampung perbelanjaannya ketika menunaikan ibadat haji. Kemukakan hujah anda tentang situasi di atas.<br><br>Contoh Jawapan sahaja:<br>Sah ibadah hajinya (I) sekiranya Rosli dapat membuat pembayaran bulanannya mengikut ketetapan (H). Hal ini membolehkan jemaah haji dapat melaksanakan ibadat haji dengan tenang kerana tidak memikirkan masalah kewangan. (HL). Kesimpulannya, Islam sentiasa memberi kemudahan kepada umatnya untuk melaksanakan ibadat haji dengan sempurna (K)<br><br>Cadangan isi :<br>1. Sah / dibolehkan kerana memudahkan jemaah haji.<br>2. Tidak wajib menunaikan ibadat haji kerana belum berkemampuan. | **4 markah**<br><br>**Catatan**<br>Jawapan sah dan tidak sah diterima bergantung pada hujah calon. |
| Nyatakan | (b) | (i) | Hukum berkahwin bagi situasi berikut :<br>(a) Wajib<br>(b) Makruh | 2isi x 1m<br>**= 2m** |
| Terangkan | | (ii) | **Dua** hikmah perkahwinan dalam Islam ialah:<br>1. Memenuhi tuntutan batin seseorang/1m yang merupakan fitrah manusia./1m<br>2. Memelihara keturunan yang baik/1m untuk generasi akan datang./1m<br>3. Memelihara diri daripada keruntuhan akhlak/1m yang akan mencemarkan maruah diri./1m<br>4. Mewujudkan ketenangan jiwa/1m melalui hubungan cinta yang halal./1m<br>5. Menghindari perbuatan seks secara bebas/1m yang boleh membawa jangkitan penyakit./1m<br>6. Menjalinkan hubungan persaudaraan/1m antara kedua-dua belah keluarga suami dan isteri./1m | 2 isi x 2m<br>**= 4m**<br><br>1isi = 1m<br>1h = 1m |



Scanned with CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (c) Maksud | (i) | Maksud talak ialah :<br><br>Pembubaran perkahwinan oleh suami/1m dengan lafaz talak yang jelas atau kiasan/1m | 1 isi x 2m<br>= **2m** |
| | Jelaskan | (ii) | Jenis-jenis talak ialah:<br><br>1. Talak raj'i iaitu talak yang boleh dirujuk / dalam tempoh idah / tanpa akad nikah dan mahar yang baharu.<br>2. Talak bain iaitu talak yang tidak boleh dirujuk / kecuali dengan akad nikah dan mahar yang baharu. | 2 isi x 1m<br>= **2m** |

| **No. Soalan** | | | **Jawapan** | **Markah** |
|---|---|---|---|---|
| 4 | (a) | (i) | Khalifah pertama yang memerintah dalam kerajaan Khulafa al-Rasyidin ialah :<br><br>Saidina Abu Bakar as-Siddiq r.a | 1 isi x 1m<br>= **1m** |
| | Seharaikan | (ii) | **Tiga** pencapaian pemerintahan khulafak ar-Rashidin segi pendidikan ialah :<br><br>1. Menyelaras bacaan / penulisan mashaf al-Quran menggunakan lahjah quraisy.<br>2. Menubuhkan sekolah iaitu Al-Kuttab/ yang khusus untuk kanak-kanak.<br>3. Mengumpul / menulis semula naskah al-Quran. | 3 isi x 1m<br>= **3m** |
| | Jelaskan | (iii) | **Dua** contoh ketegasan dalam era kepimpinan zaman Khulafa ar-Rashidin ialah:<br><br>1. Saidina Abu bakar as-Siddiq tegas dalam memerangi golongan murtad /nabi palsu / golongan yang enggan membayar zakat.<br>2. Saidina Umar tegas dalam mengantikan kepimpinan Khalid bin al Walid sebagai panglima tentera Islam dengan Abu Ubadah bin Jarrah semasa perang Yamamah.<br>3. Saidina Ali tegas dalam memecat beberapa gabenor yang dilantik oleh khalifah Uthman seperti Muawiyah bin Abi Sufian dan Abu Musa al-As a'ri untuk meredakan kemarahan puak pemberontak. | 2 isi x 2m<br>= **4m** |



Scanned with CamScanner

<table>
<tr><td>KBAT</td><td></td><td>(iv)</td><td>KBAT<br>Rubrik penskoran<br><br>

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. | 2m |
| Menjelaskan isi beserta huraian lengkap da nada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi beserta huraian lengkap da nada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

<br>Soalan :<br><br>Keunggulan kepimpinan Khulafa ar-Rashidin telah berjaya menyebarkan dakwah Islam sehingga ke Mesir, Parsi dan Rom.<br><br>Sebagai seorang pelajar bagaimanakah anda mengembalikan keunggulan tersebut.<br><br>Cadangan isi:<br>1. Mempelajari ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah.<br>2. Menguasai teknologi dan kepakaran.<br>3. Mengamalkan akhlak mulia dalam kehidupan.<br>4. Mengukuhkan perpaduan antara kaum / rakyat<br>5. Menyokong segala kegiatan ekonomi kerajaan.</td><td>4 markah</td></tr>
<tr><td>Nyatakan</td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Riwayat hidup Salahuddin al-Ayubi secara ringkas ialah :<br><br>1. Nama Yusuf bin Ayub bin Syazi<br>2. Tarikh lahir 532H<br>3. Tarikh wafat 589H<br>4. Jawatan : pemerintah kerajaan Ayubiah<br>5. Guru yang tersohor : Ali bin Hasan bin habbatullah bin a'syakir ad-Dimasqi</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td>Jelaskan</td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua ketinggian akhlak beliau yang boleh dicontohi ialah :<br><br>1. Sangat menghormati para ulama<br>2. Berani mempertahankan agama<br>3. Prihatin terhadap kebajikan rakyat<br><br>Catatan : ketinggian akhlak secara umum tidak diterima</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
</table>



Scanned with CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Terangkan | | (iii) | **Dua** sumbangan Salahuddin al-Ayubi dalam bidang pentadbiran negara ialah :<br><br>1. Mengubah sebuah dewan di istana dengan menjadikannya sebuah hospital/1m yang dinamakan al-Birmastan al-Atiq./1m<br>2. Menyediakan sebuah gedung ubatan/1m bagi membolehkan ubat diagihkan mengikut gred yang ditetapkan kepada para pesakit./1m | 2 isi x 2m<br>**= 4m**<br>1isi = 1m<br>1h = 1m |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 5<br>Nyatakan | (a) | (i) | Maksud khauf ialah:<br><br>Takut kepada kemurkaan dan azab Allah SWT /1m dengan menjauhi segala laranganNya. /1m | 1 isi x 2m<br>**= 2m** |
| Jelaskan | | (ii) | **Dua** konsep khauf dan roja' yang seimbang ialah:<br><br>1. Rasa takut kepada Allah SWT hendaklah diiringi dengan tindakan yang selari dengan syarak.<br>2. Seseorang yang mengharapkan keredhaan Allah SWT hendaklah melakukan amal ibadah dan menjauhi perbuatan maksiat.<br>3. Ganjaran syurga dapat menjadi motivasi untuk seseorang itu mendekatkan diri kepada Allah SWT.<br>4. Perasaan khauf terhadap balasan neraka akan menjadi benteng daripada keinginan melakukan maksiat.<br>5. Perasaan roja' akan mendorong seseorang untuk berlumba-lumba melakukan ibadah tanpa putus asa terhadap rahmat Allah SWT.<br>6. Khauf dan roja' hendaklah berpaksaikan husnu dhan (berpandangan baik) kepada Allah SWT. | 2 isi x 2m<br>**= 4m** |
| Terangkan | | (iii) | **Dua** hikmah terhadap individu yang menghayati sifat khauf dan roja' ialah:<br><br>1. Melahirkan insan yang sentiasa mengingati Allah SWT /1m dalam setiap keadaan./1m<br>2. Melahirkan insan yang bersungguh-sungguh dalam setiap pekerjaan/1m kerana yakin Allah SWT melihat / menilai setiap perbuatannya./1m<br>3. Mendidik insan menjauhi larangan Allah SWT/1m kerana takutkan kemurkaanNya./1m<br>4. Melahirkan insan yang sentiasa berasa gembira melakukan kebaikan/1m agar mendapat kemanisan iman./1m<br>5. Melahirkan insan yang sentiasa bertawakal kepada Allah SWT/1m setelah berusaha bersungguh-sungguh./1m | 2 isi x 2m<br>**= 4m**<br>1isi = 1m<br>1h = 1m |



Scanned with CamScanner

**(b) (i)** Maksud istiqamah ialah — *Apakah* — 1 isi x 2m = **2m**

Ketaatan yang berterusan/ 1m dalam melaksanakan suruhan Allah SWT dan menjauhi larangannya / 1m

**(ii)** **Dua** cara memiliki sifat istiqamah ialah — *Jelaskan* — 2 isi x 2m = **4m**

1. Sentiasa bermujahadah melawan hawa nafsu
2. Sentiasa berdoa memohon bantuan Allah SWT
3. Sentiasa membaca dan mengambil iktibar daripada kisah para rasul.
4. Sentiasa muhasabah diri agar ikhlas / sabar dalam setiap tindakan
5. Sentiasa mempelajari ilmu pengetahuan
6. Sentiasa berkawan dengan rakan yang berdisiplin melakukan kebaikan

**(iii)** KBAT — *KBAT* — **4 markah**

Rubrik penskoran

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas | 2m |
| Menjelaskan isi beserta huraian lengkap da nada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi beserta huraian lengkap da nada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

Soalan :

Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya umat Islam mengabaikan sifat istiqamah dalam kehidupan mereka.

Cadangan isi :

1. Umat Islam tidak akan berjaya.
2. Amalan yang dilakukan oleh umat Islam tidak sempurna.
3. Urusan kerja umat Islam tidak berkualiti / tertangguh.

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**



Scanned with CamScanner